# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 25 FEBRUARI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br><br>2.<br>3. | MONISTRY OF AGRICULTURE HELPS FARMERS SOLVE FOREIGN LABOR PROBLEMS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A23<br>KONSEP PERTANIAN BANDAR BOLEH TAMBAH PENDAPATAN, DASAR & PENTADBIRAN, BH -3<br>AGRICULTURE RESEARCH INSTITUTE TO SUPPLY TECHNICAL ADVISOR, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4. | VARIETI BAHARU TINGKAT HASIL PADI, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -34 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 5.<br>6.<br>7.<br><br>8. | NELAYAN MUKAH SAMBUT BAIK PENUBUHAN KWAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -6<br>SEKARANG RM200, ERA BN RM300, UTARA, HARAKAH -N18<br>KEANEHAN BAJET 2019 KERAJAAN PH BERHUBUNG SARA HIDUP NELAYAN, NASIONAL, HARAKAH -N19<br>FEDERATION OF MALAYSIAN BIRD'S NEST MERCHANTS ASSOCIATION CELEBRATE 2ND ANNIVERSARY, TO, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A16 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry of Agriculture helps farmers solve foreign labor problems | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 25 Feb 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A23 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 149 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,742 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,226 |



# 农业部助农民解决外劳问题

**麻坡24日讯**｜农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，其部门将协助农民取得外劳，以缓和农民外劳人手不足的困境。

他说，以内政部为首的外劳委员会内有农业部的代表，可协助提呈农民，包括园丘业者的外劳需求。

他说，农业部将全力协助，让农友在短时间内获得外劳。但外劳的批准，还得由内政部点头。此外，其部门已接获许多农民组织的投诉，并会尽快处理。

他周日早上在麻坡出席苏丹依斯迈桥国际挑战赛的鸣枪礼后受询时这么表示。

较早时，马来西亚菜农联合会总会长陈苏潮表示，由于无法在短时间内申请到外劳，缺外劳的农民只能向有外劳固打的农民借外劳，以解决燃眉之急。

在今早的活动上，来自肯亚的长跑健将和本地200多名长跑健将分成两组，在沙拉胡丁鸣枪后展开半马拉松赛。

这也是2019苏丹依斯迈桥国际挑战赛的比赛项目之一。另也有举办与麻坡市议会主席慕斯达法一起走活动、婴儿手推车竞快赛，残障儿轮椅赛等，吸引约2000名民众参加。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/2/2019 | BERITA HARIAN | DASAR & PENTADBIRAN | 3 |

# Konsep pertanian bandar boleh tambah pendapatan

**Muar:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan terus menggalakkan konsep pertanian bandar yang berupaya memberi nilai tambah dan sumber pendapatan kepada pengusahanya.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya akan melancarkan pelbagai program pertanian bandar supaya lebih banyak kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat mengambil bahagian dalam konsep terbabit di kawasan masing-masing.

"Kita ada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang boleh memberikan khidmat nasihat dan rundingan, begitu juga Jabatan Pertanian yang pada bila-bila masa akan menyokong usaha ini.

**Beri pelbagai faedah**

"Ini akan memberi pelbagai faedah kepada rakyat di samping melestarikan alam sekitar dan menambah sumber pendapatan ekonomi dalam pertanian bandar ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Pelancaran Taman Ideal dan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Daerah Muar di Surau An-Najah, Taman Sri Bakri III di sini, semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar (MPM), Mustaffa Kamal Shamsudin.

Salahuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Jeram berkata, penggunaan teknologi fertigasi dilihat berkesan dalam menjayakan program pertanian bandar kerana mampu dilaksanakan walaupun di kawasan yang terhad.

"Teknologi fertigasi ini sangat berkesan. Kita dapat menggunakan kawasan terhad, namun hasilnya boleh memberi nilai tambah dan pendapatan agak lumayan kepada pengusaha atau penggiatnya," katanya.

Mengenai program terbabit, beliau berkata, sudah tiba masanya disiplin dalam aspek kebersihan ini menjadi satu keutamaan dalam setiap diri anggota masyarakat di daerah ini.

Katanya, usaha yang dilaksanakan MPM sehingga Muar diiktiraf sebagai bandar yang bersih diharapkan akan menjadi pendidikan kepada masyarakat untuk turut serta menjadikan amalan penjagaan kebersihan ini sebagai satu budaya bagi penduduk di sini.



"Ini akan memberi pelbagai faedah kepada rakyat di samping melestarikan alam sekitar dan menambah sumber pendapatan ekonomi dalam pertanian bandar ini"

***Salahuddin Ayub,***
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

| Headline | Agricultural research institute to supply technical advisor | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 25 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 4 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 164 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,157 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,472 |



## 農長：帶動住宅式耕種

# 農研院將供技術諮詢

（麻坡24日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁强调，农业部鼓励全国各地方政府推广城市农业计划（Urban Farming），该部门属下大马农业研究院（MARDI）将会提供技术咨询，希望能带动地方上住宅式耕种。

他说，若以目前的国家经济状况，应该鼓励更多城市住宅参与种植计划，为本身家庭减少许多不必要的开支，尤其是这些家庭可以种一些简单的蔬菜。

他今日下午为麻坡市议会主办理想花园及世界厕所日主持推介礼会后指出，城市住宅区的空间有限，但是并不表示就无法参与栽种计划，因为有些蔬菜种植也不需要很大空间。

他说，农业部之前已在积极推广城市农业计划，有些参与的家庭的确取得很大的成效，这些家庭利用有限空间种植盆栽种植，但是这个计划仍有很大提升空间。

此外，沙拉胡丁说，由麻坡市议会采用资源回收二维码扫描，相信是全马各地方政府首创，鼓励更多花园住宅区居民自行把垃圾分类，市议会员工将会通过二维码扫描，把所得的数额自动转入居民的户头内。



沙拉胡丁（中）通过二维码扫描，启动麻坡市议会理想花园计划，右一为麻坡市议会主席慕斯达化。

Powered by: isentia

| Headline | Varieti baharu tingkat hasil padi | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan) | | |
| Date | 25 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 34 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 824 cm² |
| Journalist | SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA | AdValue | RM 5,772 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,316 |





Kawasan percubaan penanaman padi UKMRC-2 dan UKMRC-8 di Kompleks Latihan MADA, Alor Serdang, Kedah.

Varieti UKMRC-2 dan UKMRC-8 dijangka mampu meningkatkan penghasilan padi sekali ganda.

# Varieti baharu tingkat hasil padi

*Dijangka mampu hasilkan tujuh ke lapan metrik tan padi sehektar*

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

YAN

Pengisytiharan varieti padi baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 diyakini mampu meningkatkan keberhasilan padi sebanyak sekali ganda sekaligus meningkatkan pendapatan petani.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, varieti baharu yang diperkenalkan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu adalah sejarah baharu negara kerana dihasilkan dengan kerjasama dua hala antara UKM dan agensi bawah kementerian.

Menurutnya, sekiranya berjaya meningkatkan hasil padi dalam tempoh beberapa tahun lagi, beliau percaya ia mampu mempertingkatkan sara diri negara yang ketika ini hanya 70 peratus.

"Kita masih bergantung 30 peratus import bekalan beras dari luar negara," katanya pada Majlis Pengisytiharan Varieti Baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 di Pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan MADA G-1V di Guar Chempedak, Yan kelmarin.

Menurutnya, setakat ini, purata penghasilan padi negara antara tiga hingga empat metrik tan sehektar namun dengan penggunaan varieti baharu yang diperkenalkan itu dijangka mampu menghasilkan antara tujuh hingga lapan metrik tan sehektar.

"Sewajarnya kita semua memastikan dengan mengisytiharkan varieti baru ini kita dapat tentukan fokus dan strategi yang paling bijak, supaya masa menuai akan datang dapat melihat keberhasilan menganjak kepada tujuh hingga lapan metrik tan bagi setiap hektar," katanya.

Beliau juga berharap agar petani dapat bersikap telus dalam penerimaan bantuan kerajaan, amanah dan berdedikasi dalam menyumbang kepada peningkatan keberhasilan bekalan makanan negara sekaligus meningkatkan KDNK negara.



SHAKIR JAMIL

Varieti UKMRC-2 dan UKMRC-8 adalah hasil penyelidikan Profesor Dr R Wickneswari bersama bekas penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Abdullah Md Zain.

Kedua-duanya dihasilkan melalui pendebungaan terkawal daripada spesies padi liar oryza rufipogon dan varieti mega MR219 yang diperkenalkan bagi meningkatkan hasil dan sebagai varieti alternatif kepada varieti sedia ada di Malaysia.

MADACorp merupakan pengeluar tunggal benih padi sah UKMRC-2 dan UKMRC-8 bagi musim 1/2019 di kawasan MUDA selain beberapa Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dilantik sebagai pengeluar benih seperti PPK Lahar Bubu, PPK Putri Saadon dan juga Syarikat Pertama Padi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MADACorp, Shakir Jamil Fisal berkata, penghasilan kedua-dua varieti baharu ini adalah bersejarah kerana kali pertama dihasilkan menerusi kajian akademik dan pihak swasta.

Menurutnya, ini satu perkembangan baik kerana industri padi memerlukan penambahan varieti benih yang membolehkan petani membuat pilihan yang dapat membantu dari segi kawalan penyakit dan penghasilannya.

"Kalau tengok di Thailand, benih padi dibenarkan dikeluarkan oleh semua pihak, setiap tahun ada 6 atau 7 varieti, tetapi kita di sini punya benih agak lambat, seperti dijelaskan tadi varieti baru ini pun mengambil masa 17 tahun untuk dikeluarkan di pasaran, sebelum ini hanya kita bergantung kepada benih dari MARDI," katanya.



Salahuddin ketika Majlis Pengisytiharan Varieti Baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan MADA G-1V di Guar Chempedak, Yan kelmarin.

## Varieti UKMRC-2 dan UKMRC-8

### Varieti padi UKMRC2

- Mempunyai kerintangan baik kepada penyakit karah, pokok tegap serta mempunyai cita rasa nasi yang baik.
- Proses pembiakbakaan dimulaka2002 dan difailkan bagi status varieti baharu pada 2009.
- Pengiktirafan sebagai varieti baharu diterima pada 2014 dengan nombor pendaftaran PBR0028.
- Ketinggian batang antara 88 -95 sentimeter serta mempunyai tangkai yang berkepanjangan antara 21-27 sentimeter.
- Mempunyai berat 1,000 biji yang memberangsangkan iaitu sekitar 25-27 gram.
- Berpotensi bertahan dalam keadaan banjir dengan kemandirian 87.5 peratus di dalam rendaman selama 14 hari berturut-turut pada fasa vegetatif.

### Varieti padi UKMRC-8

- Mempunyai tempoh kematangan yang singkat, pokok tegap serta mempunyai cita rasa nasi yang baik.
- Proses pembiakbakaan dimulakan 2002 dan difailkan bagi status varieti baharu pada 2009.
- Pengiktirafan sebagai varieti baharu diterima pada 2014 dengan nombor pendaftaran PBR0031.
- Ketinggian batang adalah seperti MR219 iaitu antara 79-89 sentimeter serta mempunyai tangkai yang berkepanjangan antara 21-26 sentimeter
- Mempunyai berat 1,000 biji memberangsangkan iaitu sekitar 25-28 gram.
- Berpotensi bertahan dalam keadaan banjir dengan kemandirian 50.8 peratus serta mampu keluar dari zon lemas dengan peratus pemanjangan daun sebanyak 57.2 peratus di dalam rendaman selama 14 hari berturut-turut pada fasa vegetatif.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nelayan Mukah sambut baik penubuhan KWAN | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 25 Feb 2019 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 6 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 545 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,784 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,351 |






**PEMBENIHAN...** Ali (berdiri kiri belakang) dan tetamu lain ketika pelepasan anak-anak ikan di Batang Mukah pada tahun lepas

# Nelayan Mukah sambut baik penubuhan KWAN



**INISIATIF BAGUS DIALUKAN...** Pengerusi PNK Mukah Oya.

------------------------------------------------

HENRY B SIYU

**MUKAH:** Nelayan di sini menyambut baik hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Nelayan (KWAN).

Menurut Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Mukah-Oya (PNK Mukah/Oya), Ali Hamid, pihaknya akan sentiasa menyambut baik segala inisiatif yang bertujuan untuk kebaikan nelayan.

"Saya, selaku pengerusi PNK Mukah/Oya mengalu-alukan inisiatif dan hasrat mana-mana pihak demi untuk kebaikan nelayan. Saya difahamkan bahawa ia dicadang untuk membela nelayan yang telah bersara yang hilang upaya dan sebagainya menyebabkan mereka tidak mampu lagi untuk pergi ke laut," ujarnya.

Hasrat penubuhan KWAN itu telah dizahirkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato Salahuddin Ayub baru-baru ini dan ia difahamkan masih di peringkat kajian.

Tambahnya lagi, beliau berharap elaun sara hidup yang dinikmati selama ini dikekalkan termasuk beberapa bantuan yang lain untuk golongan nelayan.

"Oleh itu, kami juga berharap beberapa bantuan yang dinikmati oleh para nelayan selama ini akan diteruskan atau ditambahkan lagi memandangkan kos kehidupan yang semakin tinggi saban hari.

"Justeru itu, saya harap KWAN akan menjadi kenyataan dan seterusnya berperanan untuk membela nasib nelayan yang sememangnya amat memerlukan bantuan dari masa ke semasa ," katanya.

Menyentuh mengenai musim cuaca yang tidak menentu seperti sekarang, Ali, berkata sesetengah daripada nelayan tempatan akan menggunakan masa tersebut untuk membaiki kapal, bot dan enjin mereka.

"Kebanyakan daripada nelayan tempatan membaiki bot-bot dan peralatan lain untuk menangkap ikan musim tengkujuh atau cuaca yang tidak menentu seperti sekarang," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi Utusan Sarawak untuk mengulas inisiatif kementerian bagi menubuh KWAN semalam.

"Kebanyakan nelayan juga akan beralih ke penangkapan ikan atau sumber dari sungai demi kelangsungan hidup pada musim tengkujuh. Mereka akan menjala ikan dan udang atau keadaan lain yang sesuai dengan aktiviti penangkapan ikan air tawar, termasuk memancing," tambahnya.

Selain daripada itu kata Ali, mereka yang mempunyai kebun akan bercucuk tanam dan juga mengambil apa juga tumbuhan dari hutan yang boleh mendatangkan pendapatan.

"Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa elaun sara hidup, bantuan-bantuan dan subsidi disel daripada kerajaan amat membantu demi kelangsungan hidup sebagai seorang nelayan. Dan ia amat terasa semasa kami tidak dapat ke laut untuk menangkap ikan seperti musim cuaca tak menentu atau tengkujuh. Saya berharap dari segi pengagihannya akan di lakukan dari masa ke semasa supaya golongan nelayan tidak akan terpinggir dengan pembangunan dan perkembangan di sekeliling kita," katanya lagi.

Adalah difahamkan bahawa kini PNK Mukah/Oya mempunyai seramai 786 ahli yang merangkumi 80 peratus Kaum Melanau, Cina(10%), Iban(9%) dan Melayu(1%).

Antara projek penjanaan pendapatan persatuan ialah menjual ikan, subsidi disel untuk nelayan, pemerosesan batu ais dengan kapasiti tiga tan dan cadangan untuk mendapat mesin yang berkapasiti lima tan, mesin kiub ais dengan kapasiti satu tan serta kerjasama dalam akuakultur penternakan ikan dalam kolam.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/2/2019 | HARAKAH | UTARA | N18 |

Elaun Sara Hidup Nelayan

# Sekarang RM200, era BN RM300

**LUMUT:** Pertukaran kerajaan persekutuan pada 9 Mei lepas turut menjejaskan bantuan yang diterima rakyat sebelum ini.

Antaranya Elaun Sara Hidup nelayan dikurangkan kepada RM200 sebulan sekarang berbanding RM300 ketika zaman pemerintahan Barisan Nasional (BN).

Setiausaha PAS Lumut, Hamidun Ahmad berkata, kehidupan nelayan kian terhimpit sekarang selepas elaun sara hidup hanya diterima RM200 sebulan.

Katanya, nelayan sebelum ini menerima RM300 sebulan, namun sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan (PH), nasib nelayan nampaknya semakin diabaikan.

"Pemotongan tersebut membebankan kehidupan harian mereka berikutan harga barang keperluan harian juga semakin meningkat sekarang.

"Sepatutnya elaun menteri yang perlu dipotong terlebih dahulu, bukan rakyat marhaen seperti nelayan," katanya di sini.

Hamidun juga berkata, PAS Lumut akan berusaha mengetengahkan isu tersebut dan mendesak kerajaan mengekalkan kadar lama.



Jeti bot nelayan di sebuah perkampungan di Lumut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/2/2019 | HARAKAH | NASIONAL | N19 |

# Keanehan Bajet 2019 kerajaan PH berhubung sara hidup nelayan

Oleh AZIZ MUDA

ULASAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

SETELAH mengambil-alih tampuk pemerintahan negara daripada kerajaan sebelum ini, kerajaan baharu Pakatan Harapan (PH) telah melakukan proses pemutihan yang membabitkan 40,000 daripada 54,000 orang nelayan di seluruh negara sejak November lalu.

Walau bagaimanapun, data yang dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengenal pasti hanya 8,000 nelayan sahaja sebagai bukan nelayan tulen dan dikeluarkan daripada senarai penerima elaun sara hidup nelayan.

Dalam Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh kerajaan PH, peruntukan untuk elaun sara hidup nelayan dan insentif tangkapan nelayan telah berlaku pengurangan sebanyak 70 peratus daripada RM262 juta pada tahun 2018 kepada hanya RM98.5 juta untuk tahun ini.

Sehubungan itu, Ahli Parlimen PAS dari Setiu, Ustaz Shaharizukirnain Abd Kadir ketika membangkitkan perkara itu berkata, berdasarkan pemutihan daripada 40,000 orang itu, didapati hanya 8,000 orang sahaja bukan nelayan tulen.

Menurutnya, daripada data tersebut bermaknanya hanya 32,000 orang sahaja nelayan tulen dan ini jelas menunjukkan masih berbaki 14,000 nelayan yang belum diputihkan.

"Jadi, kalau kita campur 8,000 nelayan dikatakan tidak tulen tadi dengan jumlah yang belum dibuat pemutihan sebanyak 14,000, jumlahnya 22,000. Itu pun kalau 14,000 itu semua tidak tulen. Jadi, kalau campur baru 22,000 daripada 54,000, iaitu 40.7 peratus sahaja.

"Akan tetapi pengurangan bajet berlaku sebanyak 70 persen daripada RM262 juta untuk Bajet 2018, dikurangkan kepada RM98.5 juta untuk tahun 2019," katanya ketika mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 Peringkat Jawatankuasa Di Bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pada persidangan Dewan Rakyat 27 November lalu.



Ustaz Shaharizukirnain Abd Kadir

Dengan itu, beliau bertanya, adakah pengurangan bajet tersebut dibuat tanpa kajian yang teliti, sehinggakan selepas pemutihan dilakukan, terbukti jumlah nelayan yang tidak tulen tidak sebesar jumlah pengurangan yang dilakukan itu.

Tambahan pula, katanya, Perdana Menteri ada mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan akan membentangkan belanjawan tambahan bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak terpinggir, termasuk para nelayan.

"Adakah ini terbukti bahawa pihak kerajaan sebenarnya pada asalnya tidak begitu cakna akan nasib golongan ini. Walau bagaimanapun, selepas mendapat banyak rungutan, banyak komen dan kompelin daripada pelbagai pihak, baru kerajaan membuka mata dan mencadangkan untuk mengeluarkan bajet tambahan untuk memberi tambahan subsidi kepada golongan tersebut.

"Jadi kalau begitu, tidak salah saya katakan bahawa pembentangan Bajet 2019 ini bukan daripada perancangan asal pihak kerajaan," kata sambil disambut dengantepukan gemuruh daripada ahli-ahli Parlimen pembangkang lain.

Sebelum itu, beliau turut menyuarakan kekesalannya dengan tindakan kerajaan PH yang mengurangkan peruntukan elaun sara hidup nelayan darat sehingga 72 peratus daripada RM12.5 juta kepada hanya RM3.5 juta sahaja pada tahun ini.

### Bila kerajaan akan sasar 100 peratus sara diri?

Sebelum itu juga, Ustaz Shaharizukirnain terlebih dahulu telah menyentuh tentang industri padi dan beras yang membabitkan sasaran kerajaan terhadap 80 peratus tahap sara diri pada tahun 2020. Jadi, bilakah kerajaan akan menyasarkan Malaysia mencapai tahap sara diri 100 peratus.

Meneruskan perbahasannya, beliau berkata, sehingga hari ini beras tempatan sukar untuk dijual, sedangkan sepatutnya mengikut *'food security'* hanya 30 peratus sahaja beras asing dibenarkan diimport dan 70 peratus beras tempatan.

Namun, katanya, hari ini pengimportan beras melebihi 30 peratus dan untuk menampung kekurangan beras tempatan, pelbagai bantuan perlu disalurkan oleh pihak kerajaan bermula daripada benih padi, harga padi dan beras.

"Soalan saya, apakah langkah yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pengeluaran padi atau beras tempatan mencapai tahap 70 peratus sebagaimana yang kita hendak dalam keadaan pengurangan bajet yang begitu besar bagi tahun 2019?" tanya beliau.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin dalam penggulungannya tidak menjawab pertanyaan Ahli Parlimen PAS dari Setiu itu.


pakej jimat
RM100 sahaja
my HARAKAH BAZAAR
anda pesan • kami hantar

pos percuma

7 Buku Usrah
Manhaj Usrah PAS Peringkat Takwin 1, Manhaj Usrah PAS Peringkat Takwin 2, Manhaj Usrah PAS Peringkat Taarif 1, Manhaj Usrah PAS Peringkat Taarif 2, Manhaj Usrah PAS Peringkat Tanfiz 1, Nizam Tarbiyah PAS, Tamrin Asas Untuk Ahli Baru




terdapat juga di:
myharakahbazaar.com
03-4025 3525

Pesanan 7 Buku Usrah Pakej Jimat RM100

NAMA PENUH ..........
NO.TEL .......... EMEL ..........
ALAMAT PENGHANTARAN
..........
POSKOD .......... NEGERI ..........

Kirimkan borang pesanan kepada:
* JANGAN SERTAKAN WANG TUNAI

GALERI MEDIA SERBANIKA SDN BHD
No.22, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur.

No. Akaun MBB: 5140 7561 1391
Nama: GALERI MEDIA SERBANIKA SDN BHD

Bersama ini disertakan bukti pembayaran atas nama Galeri Media Serbanika Sdn Bhd berjumlah RM .......... bagi belian di atas sebanyak .......... set.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Federation of Malaysian Bird's Nest Merchants Association celebrate 2nd anniversary, to | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 25 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A16 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 539 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,453 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,360 |




# 燕窝总商会庆2周年 明年办品牌大会

**八打灵再也24日讯**｜即便刚迈入2周年，作为新新商会的马来西亚燕窝总商会却十分积极，过去2年举办以及参与了国内外各种活动，更展望在2020年4月举办首届的《神灯奖》的品牌大会，届时将力邀首相敦马哈迪作为开幕嘉宾出席该大会。

马来西亚燕窝总商会于正月十九日（2月23日）在八打灵再也喜来登海鲜大酒家举办「2周年会庆联欢晚宴暨2019己亥年新春团拜」。当晚设宴款待近150名贵宾，其中包括对大马社会有功人士以及各知名品牌代表，欢聚一堂同庆农历新年。

总会长马珪福致辞时表示，作为大马具法定性和权威性的组织，该商会保持著维护燕窝业者共同的权益、提升我国燕窝行业的水准和声誉，以及推动大马燕窝行业迈向国际，更肩负起与政府沟通的角色。




马珪福（左4）连同一众理事，切下象征马来西亚燕窝总商会2岁的「生日蛋糕」。左起为潘斯里谢淑珍、锺添禧、温有志和刘少铃；右起则是包久星、余国荣，以及敦曾永森。 -徐慧美-

他更强调，未来的发展趋势，是进行燕窝处理的下游工业，希望会员们能有长远的目光，从宏观方向开拓燕窝至美妆和药疗领域，并获得企业界注资到燕窝的下游工业。

「接下来本商会将积极推动已经在大马注册成功的两项品牌大会，分别是《神灯奖》和《金燕奖》，其中《神灯奖》更拥有涵盖了企业、烹饪、专研，以及选秀等13项奖项。」

副总会长兼当晚筹委会主席锺添禧则表示，商会成立不过两年，却已经举办或参与了不少活动，包括2017年宣誓就职典礼、2018年「感恩燕窝新春团拜午宴」、一带一路东盟燕窝生产国论坛、中国广东2018年全球燕窝《金燕奖》颁奖典礼和中国国际燕窝美食大赛等等。

「与此同时，509希盟执政后，本会代表亦拜访和呈交了备忘录给新任的农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁，并捐献了1万令吉给予新政府当时的希望基金。」

作为晚宴特别嘉宾之一的国会上议院前主席敦曾永森也在致辞中提及，当年中国批准大马燕窝的入口，当时他便想著，必须有个组织管制著，以免居心不良之人趁机售卖假货、滥竽充数。

## 保持良好声誉

敦曾永森更以自己去年误买一批假的冬虫草，结果痛失2万令吉为镜，劝导商会逾百人的理事会员们要尽心尽力、精益求精，以诚作业，以及保持声誉，因为只有好名声才能在国际市场走得稳，特别是中国市场。

当晚10位理事成员联合报效的2公斤净燕窝所烹调的一道道美食。此外，大会更集结了6名分别来自不同年份、不同比赛的选美冠军及优胜者组成了「世界美丽夫人」到场，并连同一众理事夫人一起为《神灯奖》其中的燕窝美妇人、美少女，以及俊男神的3项赛事进行站台造势，可说是为当晚出席的来宾，带来了味觉与视觉的双享受。

马珪福随后给每一位夫人献上了一人一只玫瑰花，也和副总会长刘少铃一同报效共2000令吉派红包给70岁以上和13岁以下的出席者，后来一时兴起，马珪福更现场演唱了2首经典名曲，分别是《迟来的爱》和《情人的眼泪》。

值得一提的是，商会之后的活动也陆续有来，如5月25日的《环球网红交流大会》、8月10日的《环球厨神食家交流大会》、11月23日的《环球企业家交流大会》，以及2020年4月18日的《神灯奖》颁奖典礼。

当晚出席者还包括，副总会长包久星、中央理事余国荣、大马外贸发展局中国与东亚市场部主任温有志，以及潘斯里谢淑珍等人。

Powered by: isentia